

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 125**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Sekolah Kurang Murid (SKM) dalam kategori Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mengikut negeri. Apakah usaha-usaha Kementerian yang berkesan dalam memperbaiki dan mempertingkatkan mutu pendidikan di Sekolah Kurang Murid supaya murid-murid ini tidak ketinggalan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM pada 31 Mac 2019, bilangan Sekolah Kurang Murid (SKM) mengikut jenis sekolah ialah SK sebanyak 2,044 buah, SJKC sebanyak 594 buah, dan SJKT sebanyak 363 buah.

Bagi memperbaiki dan meningkatkan mutu pendidikan di SKM supaya murid-murid ini tidak ketinggalan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid SKM melalui pelbagai strategi jangka pendek dan jangka panjang. Antara strategi tersebut adalah pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran pelbagai gred, penggabungan, pemindahan atau penempatan semula SKM dan kekal atas keperluan.

Selain itu, guru-guru juga turut diberi pendedahan melalui Kursus Pengajaran Pelbagai Gred berkaitan pemetaan kurikulum dan Pentaksiran Bilik Darjah bagi kelas bercantum. Melalui kursus ini guru diberi pendedahan untuk merancang pengajaran pelbagai gred dalam kelas bercantum melalui penyediaan pemetaan kurikulum bagi kelas bercantum.

Mulai tahun 2019, sebanyak tiga (3) siri kursus telah dilaksanakan khusus kepada Guru Besar SKM yang tersenarai dalam pelaksanaan Kelas Bercantum. Seramai 33 Guru Besar, Pegawai Rakan Peningkatan Sekolah (SIP+) dan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan telah dilibatkan. Antara pendedahan yang diberikan adalah dasar dan hala tuju SKM, pemetaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, kepimpinan instruksional, pentaksiran bilik darjah, *Profesional Learning Community* (PLC), isu dan cabaran, serta pelan tindakan. Kursus Pemantapan Kepimpinan juga akan diadakan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri yang akan dilaksanakan melalui Institut Aminuddin Baki.

Sekian, terima kasih.

RJM 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG**

**TARIKH : 3 JULAI 2019**

**RUJUKAN : 11640**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menaikkan gaji anggota polis berpangkat rendah supaya mampu menampung kos sara hidup terutama bagi mereka yang bertugas di bandar-bandar besar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan membuat kajian untuk menambah baik skim perkhidmatan, gaji dan elaun-elaun serta kemudahan asas yang lain untuk membantu anggota-anggota PDRM yang berpangkat rendah menangani kos sara hidup yang kian meningkat untuk pertimbangan pihak berwajib.

Skim gaji perkhidmatan PDRM yang digunakan masa kini adalah berdasarkan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Polis Diraja Malaysia Tahun 2016 (Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016).

Susulan daripada permohonan Ketua Polis Negara kepada Perdana Menteri baru-baru ini untuk menaikkan gaji Pegawai Polis PDRM dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan menjaga kebajikan Pegawai Polis, Jabatan Pengurusan PDRM telah mengadakan sesi “*Brainstorming*” di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor bermula 17 hingga 19 Jun 2019 sebagai usaha pertama untuk mendapatkan input-input daripada semua bahagian yang berkenaan dalam merealisasikan permintaan Ketua Polis Negara. Namun demikian, bagi memperhalus permohonan ini, beberapa siri bengkel akan diadakan dalam masa terdekat untuk menghasilkan kertas kerja (*executive paper*). Ini untuk memastikan permohonan PDRM menjustifikasikan penugasan hakiki, beban kerja, dan risiko yang ditanggung oleh Pegawai Polis PDRM.

PDRM sentiasa diberikan keutamaan dalam perancangan bajet kerajaan bagi membolehkan perkhidmatan yang diberikan dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa berada di tahap yang optimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON@ LARRY SNG WEI SHIEN**

**TARIKH : 3 JULAI 2019**

**RUJUKAN : 11641**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini penyiasatan kes pembunuhan Lans Koperal Velentino Mesa yang ditetak dan ditembak sehingga mati ketika bertugas di Balai Polis Pinggiran USJ, Shah Alam pada 31 Ogos 2017. .

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kes berkenaan disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu berkaitan kesalahan membunuh.

Berdasarkan siasatan, mangsa mati akibat tembakan dari senjata api milik mangsa. Pihak polis juga mendapati senjata api berkenaan turut dilarikan oleh suspek yang membunuh mangsa. Buat masa ini, kes ini masih dalam siasatan pihak polis.